

Umno boleh pecah: Dr M

1 NOV 1992

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno, perpecahan 1987 akan berulang jika perbuatan buruk, seperti penyebaran surat layang memburukkan pemimpin parti tidak dihentikan.

Presiden Umno itu berkata, beliau sedar penyebaran surat layang mempunyai kaitan dengan Perhimpunan Agung Umno tahun depan.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas menemui kira-kira 1,200 pemimpin Umno bahagian dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC), di sini petang semalam.

Ditanya sama ada perbuatan itu mungkin dilakukan ahli Umno sendiri, Dr Mahathir berkata ia boleh jadi dilakukan orang Umno atau orang luar yang berhajat memecahbelahkan oernaduan parti.

"Surat layang itu memburukkan pemimpin tertentu, termasuk saya sendiri. Jika perbuatan buruk seperti itu tidak disekat, ia boleh menimbulkan perpecahan dalam Umno sebagaimana pernah berlaku pada 1987," katanya.

Mengenai tindakan par-

ti itu mengatasi masalah surat layang berkenaan, beliau menjelaskan ketika ini Umno sukar mengambil tindakan kerana tidak dapat mengesan penyebar surat layang itu.

"Kita ingin ambil tindakan tetapi sehingga ini kita tidak tahu siapa buat surat layang ini. Saya juga tidak tahu sama ada polis sudah mengesan pengedar surat layang atau sama ada pengedar itu buat satu kesalahan.

"Kalau dia buat satu kesalahan, polis boleh ambil tindakan. Kalau tidak salah, polis tidak boleh buat apa-apa," katanya.

Beliau berharap, ahli

Umno tidak mudah dipengaruhi orang yang menulis surat layang itu.

Mengenai 12 bahagian baru Umno yang akan diwujudkan selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenal pasti sempadan baru kawasan Parlimen, Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak akan campur tangan jika semua ahli bersetuju dengan semua pemimpin bahagian baru yang dipilih.

Bagaimanapun, katanya, jika ada sungutan atau perasaan tidak puas hati serta kemungkinan berlaku perpecahan da-

I HAT MIKA 7

MT boleh campur tangan

(DARI MUKA 1)

lam kepemimpinan bahagian baru, MT perlu campur tangan.

Ditanya bagaimana MT boleh campur tangan, Presiden Umno menjelaskan: "Kalau ada dua tiga calon yang masing-masing sama kuat dan jika seorang dipilih manakala yang lain tidak mahu sokong serta ini boleh melemahkan Umno, ketika itu MT akan menyelesaikan masalah ini."

Menurutnya, semua ahli Umno bertanggungjawab menerima calon yang su-

dah ditentukan MT apabila timbul keadaan sedemikian.

D^r Mahathir berkata, semua pemimpin Umno bahagian semalam menerima cadangan beliau mengenai cara menetapkan pimpinan parti apabila bahagian baru Umno diwujudkan.

Katanya, perjumpaan itu adalah tradisi Umno sebelum perhimpunan agung untuk memberi peluang pemimpin bahagian membincangkan masalah parti yang tidak harus dibangkitkan dalam mesyuarat agung kerana

mungkin memburukkan imej parti.

Menurutnya, mereka berbincang mengenai prinsip perjuangan dan asas parti supaya boleh menjadi pengajaran kepada Umno bahagian dari Sabah yang kali pertama hadir dalam perjumpaan sedemikian.

Beliau berkata, ahli Umno Sabah di perjumpaan itu gembira kerana tugas dan tanggungjawab mereka diperjelaskan, manakala persiapan terhadap pilihanraya peringkat negeri Sabah akan diadakan tidak lama lagi.